

# UPM berusaha lahirkan graduan serba boleh

KEWUJUDAN segolongan graduan universiti yang gagal mendapatkan pekerjaan disebabkan tidak mempunyai ciri pekerja yang diharapkan majikan memberi kesan tidak baik kepada masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Menyedari pentingnya melahirkan graduan serba boleh, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak pernah menjanjikan peluang pekerjaan kepada pelajarnya, sebaliknya mereka dilengkappkan dengan persediaan untuk menempuhi persaingan dalam pasaran kerja.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPM, Prof Dr Abdullah Al-Hadi Muhamed, berkata selain menekankan kecemerlangan akademik, graduan juga diberi pendedahan kepada keperluan dunia pekerjaan masa kini.

Katanya, bahagian hal ehwal pelajar mempunyai unit bimbingan kerjaya yang bertanggungjawab membantu mengenalpasti peluang pekerjaan yang ada di luar sana.

Pada masa sama, katanya, pihaknya turut mengatur sesi temu duga membabitkan syarikat dengan pelajar, sama ada di universiti berkenaan atau di syarikat terbabit.

"UPM mahu melahirkan graduan yang memenuhi tuntutan pasaran kerja. Oleh itu kita berusaha memperlengkapkan mereka dengan ciri-ciri seperti mutu kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, penampilan yang baik dan berkeyakinan diri," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mendapatkan sokongan dan kerjasama dengan majlis pelajar bagi memastikan program yang dikendalikan berjalan lancar dan memberi manfaat kepada pelajar.

Katanya, UPM juga mengambil pendekatan bukan melihat kepada masalah tetapi mencari langkah pencegahan kepada kemelut yang melanda siswazah apabila memasuki alam pencarian pekerjaan.

Prof Dr Abdullah berkata, Pusat Alumni universiti berkenaan yang dianggotai oleh bekas graduan yang sudah bekerja serta berjaya sebagai tokoh korporat turut dijadikan sandaran bagi membentuk gabungan yang lebih berkesan.

Katanya, jika dulu kegiatan luar pelajar lebih tertumpu kepada kerja sukarela di kampung-kampung, kini mereka dihantar menimba pengalaman dengan membuat kerja di kilang-kilang.

Dengan cara itu, katanya, mereka bukan saja mendapat pendedahan di peringkat awal malah berpeluang membina rangkaian hubungan yang akan memudahkan proses mencari kerja selepas tamat pengajian nanti.

"Semua institusi pengajian tinggi awam termasuk UPM sedar mengenai kepentingan penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar sebagai bahasa penghubung dan komunikasi."

"Sehubungan itu, universiti akan bekerjasama dengan Fakulti Bahasa Moden untuk merancang kegiatan kemahiran berbahasa Inggeris."

"Universiti juga dalam usaha menggalakkan syarahan dan aktiviti dalam bilik kuliah yang dirasakan sesuai menggunakan bahasa antarabangsa itu."

"Kita peka dengan tuntutan semasa kerana itu kita sudah merancang pelbagai kaedah untuk mendedahkan atau membiasakan pelajar dengan penggunaan bahasa Inggeris."

"Jika semuanya berjalan lancar kita berharap untuk melaksanakan semua aktiviti itu pada semester akan datang," katanya.